

10.0 PROJEK BERIMPAK TINGGI RANCANGAN TEMPATAN DAERAH SEGAMAT 2030

10.1 Tujuan Projek Berimpak Tinggi

Projek dan inisiatif berimpak tinggi merupakan projek (inisiatif) yang berpotensi, strategik dan memberi impak besar dalam konteks pembangunan Daerah Segamat pada masa hadapan. Projek berimpak tinggi terbahagi kepada dua iaitu:

- i. Projek pembangunan;
- ii. Program dan pengurusan

Pemilihan projek berimpak tinggi RTDS 2030 ialah berasaskan faktor-faktor berikut:

- Projek yang diangkat dari cadangan-cadangan inisiatif pelaksanaan yang utama
- Projek yang penting kepada kelestarian negeri dan perlu disegerakan
- Projek yang boleh menangani isu strategik negeri dengan impak yang ketara
- Projek-projek melibatkan penerokaan instrumen
- Projek yang memacu daya saing Konurbasi Selatan dan membawa keseimbangan pembangunan kepada daerah-daerah luar Konurbasi Selatan

Jadual 10.1: Senarai Projek dan Program Pengurusan Berimpak Tinggi

KOD	NAMA PROJEK	Program	Projek
Teras 1 – Ekonomi Progresif dan Berdaya Maju			
HIP 1	Pengekalan Kawasan Pertanian Utama Dan Kawasan Pertanian di Luar koridor Pembangunan Daerah	/	
HIP 2	Membangunkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)	/	
HIP 3	Membangun dan Meningkatkan Produktiviti Hab Durian Segamat	/	
HIP 4	Membangun Aktiviti Ternakan Ruminan Secara Sistem Fidlot	/	
HIP 5	Membangunkan Kompleks Pengeluaran Ayam Penelur	/	
HIP 6	Membangunkan Kluster Ikan Baung Segamat Secara Komersial dan Mesra Alam	/	
HIP 7	Membangunkan Hab Industri Pertanian Bersepadu	/	
HIP 8	Cadangan Kluster Industri Asas Tani / Bioteknologi	/	
HIP 9	Cadangan Industri Halal Food Park	/	
HIP 10	Cadangan Pengukuhan Segamat Inland Port (SIP)	/	
HIP 11	Memajukan Produk Pelancongan Bandar	/	
HIP 12	Mencadangkan Perolehan Maklumat Pelancongan di Segamat Menerusi Jaringan Laman Web (Online) dan Aplikasi Mudah Alih (Apps)	/	
HIP 13	Pembangunan Produk Eko pelancongan		/
HIP 14	Mewartakan Taman Negara Johor Endau Rompin (Selai) sebagai Asia Heritage Park dan Warisan Kebangsaan	/	
HIP 15	Cadangan Agro Wet/ Whole Food Market		/
HIP 16	Membangunkan Semula "Urban Regeneration" Kawasan Perniagaan		/

Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Segamat 2030

Jadual 10.1: Senarai Projek dan Program Pengurusan Berimpak Tinggi (sambungan)

KOD	NAMA PROJEK	Program	Projek
Teras 2 – Perancangan Guna Tanah dan Pusat Petempatan			
HIP 17	Cadangan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Bangunan Warisan di Bandar Segamat Lama dan Pekan Labis		/
HIP 18	Cadangan Back To Lane		/
HIP 19	Cadangan Segamat Riverfront		/
HIP 20	Cadangan Laluan Pejalan Kaki dan Basikal di Bandar Segamat dan Pekan Labis		/
HIP 21	Cadangan Pengindahan Pintu Masuk Bandar Segamat dan Pekan Labis		/
HIP 22	Cadangan Stesen Bas, RTC dan Pasar di Jementah		/
Teras 3 – Perancangan Pengangkutan Dan Infrastruktur Menyuluruh			
HIP 23	Landasan Keretapi Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru		/
HIP 24	Memperkuatkan Rangkaian Sistem Pengangkutan Kargo terutama Segamat Inland Port (SIP)		/
HIP 25	Memperkasakan Pembangunan Berorientasi Pengangkutan Awam (Transit Oriented Development – TOD)	/	
HIP 26	Perancangan Sistem Pengairan dan Saliran Yang Efisien		/
HIP 27	Aplikasi Teknologi Hijau Dalam Penggunaan Kemudahan Infrastruktur dan Utiliti yang Cekap		/
Teras 4 – Komuniti Inklusif			
HIP 28	Membangun dan Memajukan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)	/	
HIP 29	Meningkatkan Akses Penduduk Desa kepada Keusahawanan dan Peluang Pekerjaan Supaya Kawasan Desa Kekal Menarik untuk Didiami		/
HIP 30	Cadangan Naik Taraf Hospital Segamat		/
HIP 31	Cadangan Pembangunan Ibu Pejabat Polis Daerah Segamat		/
HIP 32	Cadangan Tambahan Fakulti Sains Pertanian dan Makanan di UiTM Segamat		/
HIP 33	Kompleks Sukan Bersepadu, Segamat	/	
HIP 34	Cadangan Eco Adventure Park		/
Teras 5 – Pengurusan Alam Sekitar Dan Risiko Bencana			
HIP 35	Cadangan Penambahan Sistem Pemantauan Kualiti Air		/
HIP 36	Cadangan Menjadikan Kawasan Tapak Pelupusan Sedia Ada Sebagai Pusat Pemindahan (Transfer Station)		/
HIP 37	Cadangan Membangunkan Kaedah Penggunaan Sisa kepada Tenaga Boleh diperbaharui (Renewable Energy)	/	
HIP 38	Mengekalkan Kawasan Rizab Hidupan Liar (RHL)		/
HIP 39	Pengurusan dan Pembangunan Sumber Semula Jadi Secara Lestari		/
HIP 40	Mempraktikkan Pendekatan Pengurusan Risiko Bencana yang Komprehensif		/
HIP 41	Memantapkan Pengurusan dan Usaha Mengurangkan Risiko Geo-Bencana		/
HIP 42	Keperluan Kesiapsagaan Utuh dan Kesedaran Agenzi Kerajaan, Pihak Swasta dan Masyarakat dalam Menghadapi Bencana		/

Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Segamat 2030

10.2 HIP 1: Pengekalan Kawasan Pertanian Utama/Produktif dan Kawasan Pertanian di Luar koridor

a. Pengekalan Kawasan dan Tanah Pertanian Produktif (Tanaman)

Tapak Agro Mix Farm Segamat – Cadangan pembangunan keseluruhan tapak dan diwartakan setaraf dengan TKPM; berikutan kepentingannya kepada pembangunan sektor agro makanan daerah

Tanah pertanian Labis kelas 2 dan kelas 3 – Terletak di luar had sempadan bandar dan koridor pembangunan daerah perlu dikekalkan

b. Pengekalan Kawasan dan Tanah Pertanian Produktif (Ternakan Haiwan)

TKPM di Segamat – 10 daripada 12 buah TKPM di Segamat yang mengalami banjir hendaklah diganti dengan tapak baru yang berkeluasan sama dan mestilah bebas banjir.

TKPM di Labis – 3 buah TKPM di Labis harus dikekalkan untuk pembangunan aktiviti penternakan secara komersial dan diperluaskan ke kawasan bersepadan.



Foto: Banjir di TKPM yang menyebabkan kerugian

Justifikasi Projek

- TKPM - projek berimpak tinggi yang dirancangkan untuk pelaksanaan projek pertanian berskala besar, komersial dan berteknologi tinggi
- Kawasan padang ragut yang semakin berkurangan, berikutan tukar guna kepada guna tanah perbandaran
- TKPM, Agro Mix Farm - projek berimpak tinggi yang dirancangkan untuk pelaksanaan secara berskala besar, komersial dan berteknologi tinggi
- Tanah pertanian kelas 2 dan 3 yang subur dan berpotensi untuk tanaman agro makanan semakin berkurangan, berikutan tukar guna kepada tanah perbandaran

Lokasi Projek

- TKPM Sekijang, Kg. Sekijang
- TKPM Jabi, Kg. Bukit Tempurung
- Agro Mix Farm Pemanis, Lebuh Raya Segamat – Kuantan
- TKPM Redong
- TKPM Kepoh
- TKPM Peta Temalik
- Semua BP : tanah pertanian kelas 2 di luar had sempadan bandar
- Semua BP : tanah pertanian kelas 3 di luar koridor pembangunan daerah

Agensi Pelaksana Utama

Pelaksana

- Majlis Perbandaran Segamat
- Majlis Daerah Labis
- Jabatan Pertanian

Anggaran Kos Projek

(Kos pengurusan dan khidmat nasihat teknikal)

10.3 HIP 2: Membangunkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM)

a. TKPM Sekijang dan Agro Hab Sekijang

TKPM Sekijang sedia ada dirancangkan atas kawasan seluas 65 hektar di Kampung Sekijang. Seiring dengan objektif jaminan sumber agro makanan, dicadangkan supaya tanah UPEN Johor (anggaran 3,316 hektar) yang bersempadan dengan tapak TKPM Sekijang akan ditanam semula daripada kelapa sawit kepada agro makanan, seterusnya dicadangkan untuk digabungkan pembangunannya dengan TKPM Sekijang dan TKPM Tungku 3; dengan penjenamaannya sebagai Agro Hab Sekijang,

b. Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Jabi

Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Jabi merupakan projek TKPM baharu yang telah dirancangkan oleh Pejabat Pertanian untuk pembangunan dusun dan sayur-sayuran.

c. Membangunkan TKPM Peta Temalik dengan konsep Agro Mix Farm Sekunder

Pembangunan TKPM Peta Temalik menerusi konsep Agro Mix Farm (Sekunder) adalah dicadangkan dengan mengintegrasikannya aktiviti ternakan, tanaman, akuakultur dan agropelancongan. Secara amnya, pembentukan hubungan joint-venture antara syarikat peneraju dan peserta-peserta terpilih adalah digalakkan dalam usaha pembangunan projek ini dengan anggaran kos pembangunan sebanyak RM 7.5 juta. Dalam tempoh 10 tahun pelaksanaan, Agro Mix Farm (Sekunder) dijangka berupaya mencatatkan Pendapatan Negara Kasar (GNI) Terkumpul sebanyak RM 20.8 juta (sehingga tahun 2030).

d. Membangunkan Agro Mix Farm Pemanis

Projek Agro Mix Farm, Pemanis dirancangkan di atas Lot PTD 739, Mukim Sermin dengan anggaran jumlah kawasan seluas 65 hektar. Di samping berobjektifkan pengeluaran hasil tani untuk pemasaran, projek Agro Mix Farm ini juga berpotensi untuk dipromosikan sebagai model kebun nukleus kepada usahawan tani di daerah dan negeri bersempadan, serta sebagai produk agropelancongan baharu.

Justifikasi Projek

- Membangunkan tapak TKPM secara komersial menerusi konsep Agro Mix Farm (Sekunder) - mengintegrasikannya dengan aktiviti pertanian lain seperti berikut:
 - ladang satelit fidlot
 - dusun buah-buahan (tanaman durian, rambutan), herba dan rempah ratus
 - kolam ikan – akuakultur
 - aktiviti rekreasi – agropelancongan
- Mengaplikasikan teknologi pertanian moden untuk meningkatkan produktiviti aktiviti pertanian dan menjadi model kebun nukleus
- Mengintegrasikan dan menerapkan pendekatan teknologi hijau seperti sistem pengumpulan air hujan, panel solar dalam pembangunan Agro Mix Farm
- Mengkaji dan memperluaskan tapak TKPM ke kawasan bersempadan, jika bersesuaian dan mewartakannya
- Mengezonkan TKPM sebagai KSAS – sumber makanan

Lokasi Projek

- BPK S2.1: TKPM Sekijang, Kg. Sekijang
- BPK S2.1: TKPM Tungku 3
- BPK S2.1: Tanah pertanian UPEN
- BPK S6.1: Kg. Bukit Tempurung
- BPK S6.1: KM 14 Lebuh Raya Segamat - Kuantan
- BPK L1.3: TKPM Peta Temalik

Agenzia Pelaksana Utama

Pelaksana

- Jabatan Pertanian,
- Jabatan Perkhidmatan veterinar,
- Jabatan Perikanan
- Swasta

Anggaran Kos Projek

Agro Hab Sekijang: RM 40.4 Juta
 TKPM Jabi: 26 Juta
 TKPM Peta Temalik: 7.5 Juta
 Agro Mix Farm Pemanis: 28.5 Juta

10.4 HIP 3: Membangun dan Meningkatkan Produktiviti Hab Durian Segamat

Tanaman durian telah dipilih sebagai tanaman utama dan dipromosikan sebagai ikon pelancongan Daerah Segamat. Untuk ini, Kluster Durian Wilayah Selatan adalah dicadangkan dengan memberi tumpuan kepada pemulihan dusun durian sedia ada, serta penyediaan dan penaiktarafan infrastruktur. Untuk Fasa 1, Pejabat Pertanian Daerah Segamat telah merancangkan program ini di Jementah, Jabi, Sermin, Gemereh dan Buloh Kasap di atas kawasan dusun sejumlah 167 hektar. Program pemulihan ini harus diteruskan pada fasa pembangunan 2 dan 3.

Hab Durian Segamat Bekok dicadangkan selaras dengan perancangan Kluster Durian Wilayah Selatan dan saling menyokong dengan Hab Durian Segamat di Jementah.



Foto: Pesta durian

Agenzi Pelaksana Utama

Pelaksana

- Jabatan Pertanian

Anggaran Kos Projek

RM 50 Juta

(Perkongsian kos dengan kawasan pentadbiran MPS dan MDL)

Justifikasi Projek

- Merancang dan membangunkan Kluster Durian Wilayah Selatan yang merangkumi jajaran kawasan Buloh Kasap – Jementah – Bukit Serampang
- Mempromosikan Kg. Paya Jakas – Bukit Jementah (Dusun Agrotourism) sebagai Hab Durian Segamat utama dengan rangkaian sokongan dari dusun-dusun durian lain, terutamanya di Kg. Gelang Chin-Chin
- Membangunkan pusat nurseri benih durian di Agro Mix Farm, Pemanis.
- Mempromosikan Kg. Pancar Jaya sebagai Hab Durian Segamat Bekok dengan rangkaian sokongan dari dusun-dusun durian lain

Lokasi Projek

- Semua BP : dusun-dusun durian sedia ada
- Semua BP : cadangan Zon Promosi Durian Segamat
- BPK S6.1: Agro Hab Sekijang

10.5 HIP 4: Membangun Aktiviti Ternakan Ruminan Secara Sistem Fidlot

Aktiviti penternakan haiwan, khususnya ternakan ruminan seperti lembu dan kambing/ bebiri harus dijalankan secara komersial dengan menerusi sistem fidlot (Ladang Satelit Fidlot) – secara intensif dalam kandang/ kurungan.

Pada masa kini, sistem ini hanya dibangunkan di tapak TKPM Peta Temalik dan harus digalakkan atau diperluaskan ke TKPM Redong, TKPM Kepoh dan TKPM Tungku 3. Selain mengeluarkan sumber makanan ternakan dengan menanam rumput napier di sekitar tapak TKPM, pelaksanaan sistem *fodder solutions* adalah digalakkan

Agenzi Pelaksana Utama

Pelaksana

- Jabatan Perkhidmatan Veterinar,
- FELDA, FELCRA, RISDA, Swasta

Justifikasi Projek

- Menyokong pembangunan industri hiliran berdasarkan ternakan – makanan sejuk beku
- Menjamin dan meningkatkan sumber makanan daerah dan negeri

Lokasi Projek

- TKPM Redong
- TKPM Kepoh
- TKPM Tungku 3
- TKPM Bangas

Anggaran Kos Projek

RM 100 Juta
 (Perkongsian kos dengan kawasan pentadbiran MDL)

10.6 HIP 5: Membangunkan Kompleks Pengeluaran Ayam Penelur

Kompleks pengeluaran ayam penelur yang meliputi aktiviti penternakan (sistem reban tertutup), penggredian telur, pembungkusan dan pemprosesan produk hiliran berasaskan telur, serta baja organik dengan mengaplikasikan teknologi moden dan terkini.



Foto: Penggredan telur ayam

Sumber: *utusan Malaysia*

Justifikasi Projek

- Meningkatkan penghasilan telur yang berkualiti dan kawalan keselamatan yang tinggi
- Menjadi antara pembekal ayam telur terpenting di Negeri Johor ataupun negara

Lokasi Projek

- BPK S5.3: Paya Lang

Agenzi Pelaksana Utama

Pelaksana

- Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- Swasta

Anggaran Kos Projek

RM200 juta

10.7 HIP 6: Membangunkan Kluster Ikan Baung Segamat Secara Komersial dan Mesra Alam

Untuk meningkatkan produktiviti akuakultur, ia boleh diusahakan dengan memperluaskan kawasan perusahaan sedia ada atau bilangan kolam akuakultur ke kawasan-kawasan yang berdekatan dan berpotensi untuk dibangunkan, terutamanya Zon Promosi Pembesaran di kawasan FELDA Medoi dan FELDA Palong Timur sebagai sebahagian daripada Kluster Ikan Baung Segamat yang berpusat di FELDA Tenang.

Bagi menyokong pelaksanaan cadangan ini, kajian kesesuaian tapak pembangunan ke atas kawasan-kawasan ini dari segi parameter sumber air dan kualiti tanah adalah perlu dijalankan untuk mengurangkan risiko kegagalan projek dan seterusnya menjayakan usaha perluasan kawasan perusahaan akuakultur ini



Foto: Penternakan ikan baung

Sumber: *utusan Malaysia*

Justifikasi Projek

- Meningkatkan pendapatan penternak akuakultur serta ekonomi daerah
- Menjamin dan meningkatkan sumber makanan daerah dan negeri
- Menyokong pembangunan industri hiliran berasaskan ternakan air tawar – makanan sejuk beku

Lokasi Projek

- FELDA Medoi dan FELDA Palong Timur
- BPK L1.3: Hab Ikan Baung Segamat - FELDA Tenang
- BPK L1.4: Zon Promosi Pembesaran Akuakultur - FELDA Chemplak
- Kawasan penternakan sedia ada, serta kawasan penternakan baru yang bersesuaian dan dibenarkan

Agenzi Pelaksana Utama

Pelaksana

- Jabatan Perikanan
- Swasta

Anggaran Kos Projek

Pusat Benih 0.75 Juta
Zon Promosi RM2 juta

10.8 HIP 7: Membangunkan Hab Industri Pertanian Bersepadu

Secara amnya, hab industri pertanian bersepadu akan memberi fokus kepada industri halal hab, industri biomass dan industri hiliran gaharu. Oleh itu, dicadangkan supaya mengukuhkan penyediaan sistem kemudahan infrastruktur dan utiliti di kluster-kluster industri asas pertanian bersepadu Segamat.



Foto: Perniagaan ikan baung

Sumber: utusan Malaysia

Justifikasi Projek

- Mengukuhkan peranan Daerah Agropolitan Segamat di peringkat hiliran industri
- Mengukuhkan peranan Daerah Agropolitan Segamat di peringkat hiliran industri
- Meningkatkan ekonomi daerah

Lokasi Projek

- BPK S1.12 kluster industri asas tani di Batu 12; Buloh Kasap
- BPK S1.6: Kluster industri asas di Taman Industri Segamat 2
- BPK S6.1: kluster industri asas tani di Jalan Segamat- Muadzam Shah
- Kluster Khas Chaah

10.9 HIP 8: Cadangan Kluster Industri Asas Tani / Bioteknologi

Matlamat Daerah Segamat sebagai Katalis Pertumbuhan Wilayah Utara Johor (Agriculture Power House) akan menggalakkan pembangunan industri di Segamat dengan mengutamakan sumber pertanian. Dengan mengaplikasi konsep zero waste, Daerah Segamat yang kaya dengan sumber pertanian akan menggunakan 100% sisa buangan dan hasil pertanian sebagai sumber bagi sektor perindustrian Daerah Segamat mempunyai tanah pertanian yang luas iaitu 168,106.77 hektar dan majoritinya adalah tanaman kelapa sawit sekaligus

Justifikasi Projek

- Pembangunan industri hijau akan menjana ekonomi daerah secara mampan (sustainable economic growth)

Lokasi Projek

Sekitar kawasan Industri berdekatan SIP; Perindustrian Buloh Kasap

10.10 HIP 9: Cadangan Industri Halal Food Park

Cadangan pembangunan Industri Halal Food Park adalah bertujuan untuk menyokong sumber pertanian dan penternakan di Daerah Segamat untuk menghasilkan produk yang bersih, terjamin, berkualiti dan halal.

Agenzia Pelaksana Utama

Pelaksana

- MPS
- PLAN Malaysia
- Jabatan Perkhidmatan Veterinar

Anggaran Kos Projek

Justifikasi Projek

- Mewujudkan industri hiliran bagi industri berdasarkan pertanian dan ternakan
- Menggunakan hasil pertanian dan penternakan di Segamat untuk dijadikan sumber industri hiliran
- Premis industri mengaplikasikan proses lestari yang meminimumkan penggunaan sumber, sisa industri dan tenaga yang boleh diperbaharui

Lokasi Projek

BPK 1.12: Lot 14204, 14205 berdekatan SIP



10.11 HIP 10: Cadangan Pengukuhan Segamat Inland Port (SIP)

Cadangan pembangunan Industri Halal Food Park adalah bertujuan untuk menyokong sumber pertanian dan penternakan di Daerah Segamat untuk menghasilkan produk yang bersih, terjamin, berkualiti dan halal. Cadangan - cadangan pembangunan perindustrian Daerah Segamat dijangka akan menyokong pengukuhan SIP seperti:

1. Cadangan pembangunan industri baru yang berkonsepkan gated and guarded dan penerapan konsep clean and green
2. Cadangan Industri Halal Food Park
3. Cadangan Kluster Industri
4. Cadangan insentif-insentif bagi menarik pelabur ke Segamat dan lain-lain



10.12 HIP 11: Memajukan Produk Pelancongan Bandar

Bandar Segamat mempunyai elemen/produk pelancongan tersendiri yang mempunyai potensi untuk dimajukan bagi menjadikannya lebih menarik untuk dikunjungi. Tambahan pula, Bandar Segamat terkenal dengan fungsinya sebagai bandar transit. Bagi memenuhi permintaan pelancong yang mengharapkan fungsi Bandar Segamat sebagai bandar transit yang menawarkan penginapan dan makanan tempatan, beberapa elemen lain yang terdapat di Bandar Segamat berpotensi untuk dibangunkan iaitu:

- | | |
|----------|--|
| Rekreasi | :Flea market, car boot sale, agro wet |
| Sukan | :Taman Rekreasi Sungai Kapeh, Segamat Airstrip |
| Warisan | :Bangunan warisan Segamat lama dan sejarah |

- a) Menggalakkan Aktiviti Tidak Formal/Festival di Bandar Segamat
- b) Menawarkan Pakej yang Pelbagai bagi Aktiviti Segamat Airstrip Mengikut Kemampuan Pengunjung
- c) Pembangunan Kelab Menembak dan Memanah Segamat
- d) Pembangunan Agro Wet
- e) Membangunkan Aktiviti Sukan Air di Taman Rekreasi Sungai Kapeh
- f) Cadangan Berbasikal Kembara Bangunan Warisan Budaya dan Art Street



Foto: Aktiviti pelancongan bandar yang perlu di tambahbaik dan dinaik taraf

10.13 HIP 12: Mencadangkan Perolehan Maklumat Pelancongan di Segamat Menerusi Jaringan Laman Web (Online) dan Aplikasi Mudah Alih (Apps)

Penyediaan maklumat pelancongan bagi sesuatu destinasi adalah amat penting bagi memastikan pelancong yang bercadang untuk melancong secara solo trip akan dapat tiba ke destinasi dengan selamat. Oleh yang demikian, cadangan penyediaan satu website atau apps yang menyediakan maklumat lengkap terutamanya berkaitan pengangkutan, penginapan, tempat makan dan kawasan tarikan bagi destinasi Labis akan memudahkan lagi perjalanan pelancong. Antara contoh yang boleh diambil adalah seperti www.indonesia-tourism.com, www.tourismthailand.org, dan www.japan-guide.com.

10.14 HIP 13: Membangunkan Produk Ekopelancongan

Produk pelancongan yang dicadangkan untuk Daerah Labis mengikut Pelan Induk Pelancongan Negeri Johor (2014-2023) adalah berasaskan ekopelancongan. Hal ini kerana Daerah Labis merupakan daerah yang kaya dengan sumber semula jadi. Oleh yang demikian, bagi mencapai sasaran untuk menjadikan Daerah Labis sebagai pusat ekopelancongan,

Cadangan pembangunan produk ekopelancongan adalah merangkumi aspek penyediaan ruang aktiviti yang menarik, kemudahan yang mencukupi untuk pelancong, mempelbagaikan jenis aktiviti ekopelancongan dan menambah baik sistem ekopelancongan.



Foto: Gambaran kawasan Taman Negara Johor Endau Rompin (Selai)



Foto: Gambaran kawasan Hutan Lipur Taka Melor & Hutan Simpan Kekal Labis

Justifikasi Projek

- Menggalakkan pelancong untuk datang ke Daerah Segamat
- Memanfaatkan kelebihan Daerah Segamat yang kaya dengan sumber semula jadi
- Mengukuhkan zon ekopelancongan dari pelbagai aspek iaitu aktiviti, kemudahan dan sistem

Lokasi Projek

- Taman Negara Johor Endau Rompin (Selai)
- Cadangan Eco-adventure park
- Hutan Lipur Sg Bantang, Bekok Takah Pengkoi
- Hutan Lipur Taka Melor
- Hutan Simpan Labis
- Jeram Tinggi, Jementah

Agenzi Pelaksana Utama

Pelaksana

- Majlis Daerah Labis
- Swasta

Anggaran Kos Projek

RM10 Juta

10.15 HIP 14: Mewartakan Taman Negara Johor Endau Rompin (Selai) sebagai Asean Heritage Park dan Warisan Kebangsaan

Taman Negara Johor Endau Rompin (Selai) merupakan salah satu daripada sebilangan kecil hutan hujan tropika tanah pamah di Malaysia. Taman Negara ini terletak di Sungai Rompin, Johor bersempadan dengan Negeri Pahang. Antara cadangan bagi menjadikan Taman Negara Johor Endau Rompin (Selai) sebagai Asean Heritage Park adalah:

- ✓ Mengoptimumkan penggunaan sumber-sumber ekologi dalam bidang penyelidikan.
- ✓ Meningkatkan lagi keupayaan pengurusan taman secara keseluruhannya.
- ✓ Menambahkan peranan Taman Negara Johor Endau Rompin (Selai) sebagai tempat pembiakan spesis-spesis hidupan liar yang terancam terutamanya badak sumatera.



Foto: Gambaran kawasan Taman Negeri Endau Rompin

Justifikasi Projek

- Pengiktirafan ini dijangka memberikan impak terhadap kawasan pentadbiran MDL dari segi kedatangan pengunjung, penjenamaan semula tarikan pelancongan serta pengurusan perkhidmatan dan alam sekitar
- Pemeliharaan TNJERS dengan lebih mengukuhkan lagi keberkesanannya di bawah Peruntukan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) apabila tersenarai dibawah Daftar Warisan Kebangsaan

Agenси Pelaksana

Pelaksana

- Majlis Daerah Labis
- Jabatan Alam Sekitar
- Johor National Park (PTNJ)

Anggaran Kos Projek

RM3 juta

10.16 HIP 15: Cadangan Agro Wet/ Whole Food Market

Mencadangkan Agro Wet/Whole Food Market sebagai satu hab pertanian dan penternakan dengan dilengkapi kemudahan yang tertumpu di kawasan perniagaan akan berpotensi menyokong Daerah Segamat sebagai Agriculture Powerhouse. Berkonsepkan perniagaan under one roof dan slogan food from farm to fork. Pelbagai jenis barang dan perkhidmatan berdasarkan pertanian boleh didapati di sini. Selain itu, terdapat pelbagai program dan acara tahunan akan dijalankan.



Foto: Gambaran kawasan Hutan Lipur Taka Melor dan Hutan Simpan Kekal Labis

Justifikasi Projek

- Menyediakan pusat pengumpulan dan pemasaran bagi produk pertanian dan penternakan utama di Daerah Segamat
- Membantu meningkatkan ekonomi

Lokasi Projek

BPK S1.1 Kawasan Bandar Segamat,
Lot 571-573, 575-578

Agenси Pelaksana Utama

Pelaksana

- Majlis Daerah Segamat
- Swasta

Anggaran Kos Projek

RM30 juta

10.17 HIP 16: Membangunkan Semula “Urban Regeneration” Kawasan Perniagaan

a. Cadangan Bangunan Derang Emas Dijadikan Pusat Transformasi Bandar (UTC)

Bangunan Derang Emas merupakan bangunan tertinggi di Segamat yang telah dijadikan sebagai bangunan ternakan burung walit. Ternakan burung walit di Bangunan Derang Emas dicadangkan dipindahkan ke kawasan yang dibenarkan. Lokasi Bangunan Derang Emas yang strategik di tengah-tengah Bandar Segamat Lama dicadangkan untuk dijadikan Pusat Transformasi Bandar (UTC).



Foto: Cadangan UTC di Bangunan Derang Emas

b. Cadangan Perkhidmatan Pusat Transformasi Bandar Bergerak (Mobile UTC) di Labis

Cadangan Mobile UTC adalah penyediaan ruang pejabat bergerak seperti bas atau anjuran secara bermusim. Cadangan adalah satu hentian pelbagai perkhidmatan kepada penduduk kampung yang diperkenalkan oleh kerajaan di bawah National Blue Ocean Strategy 8 (NBOS 8).

c. Cadangan Aktiviti Informal “Pasar Sehari” di Jalan Sultan

Aktiviti Informal “Pasar Sehari” dicadangkan di sepanjang Jalan Sultan pada setiap hujung minggu bermula jam 7.00 pagi sehingga 1.00 petang. Antara produk jualan yang digalakkan untuk diniagakan adalah produk-produk makanan tradisional, hasil tanaman, hasil ternakan dan tangkapan hidup seperti ikan baung, udang galah dan lain-lain. Konsep aktiviti ini adalah sepertimana ‘Pasar Sehari’ yang terdapat di Daerah Temerloh yang terkenal dengan ikan patin dan ikan sungai.

Justifikasi Projek (a)

- Menghidupkan semula bangunan kosong di kawasan pusat bandar
- Memindahkan ternakan burung walit di kawasan pusat bandar
- Mewujudkan perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan kepada penduduk sehingga waktu malam
- Insentif penggalakan penggunaan semula ruang lantai kosong bagi bangunan perdagangan dengan mempelbagaikan komposisi perdagangan

Justifikasi Projek (b)

- Menghidupkan semula kawasan perniagaan berdekatan dengan Sungai Segamat di Bandar Segamat (bandar lama)

Lokasi Projek

- BPK S1.1 Bandar Segamat Lama – Bangunan Derang Emas
- BPK S1.1 Bandar Segamat - Jalan Sultan

Agenzia Pelaksana Utama

Pelaksana

- Majlis Perbandaran Segamat
- Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Anggaran Kos Projek

UTC: 30 Juta

Mobile UTC: 500 Ribu



10.18 HIP 17: Cadangan Pemeliharaan dan Pemuliharaan Bangunan Warisan di Bandar Segamat Lama dan Pekan Labis

Cadangan ini lebih tertumpu kepada penambahbaikan kawasan bangunan warisan terutamanya di bangunan perkedai lama beserta elemen landskap jalan bagi menghubungkan beberapa bangunan warisan yang berhampiran di Bandar Segamat dan Pekan Labis.



Ilustrasi: Kawasan Bandar Lama Segamat yang mempunyai deretan kedai lama



Ilustrasi: Pemeliharaan bangunan kedai lama di Jalan Sultan dengan mengecat semula bangunan yang telah usang

Justifikasi Projek

- Pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan (rujuk sektor warisan)
- Penambahbaikan kawasan perkedai lama di kawasan Bandar Segamat
- Menghubungkan kawasan warisan sejarah yang berhampiran dan di dalam kawasan pusat bandar

Lokasi Projek

- BPK S1.1 Bandar Segamat Lama; Jalan Aji, Jalan Ibrahim, Jalan Ismail, Jalan Mentol, Jalan Awang, dan Jalan Tengku Ahmad. Jalan Awang, Jalan Sultan
- Deretan Kedai Lama (Jalan Pasar, Jalan Tenang, Jalan Labis dan Jalan Labis-Muar)

Agenzia Pelaksana Utama

Pelaksana

- Majlis Perbandaran Segamat

Anggaran Kos Projek

20 Juta



Foto: Mengecat semula bangunan kedai lama dapat meningkatkan keunikan bangunan lama tersebut serta dapat memelihara fasad bangunan kedai lama

10.19 HIP 18: Cadangan Back to Lane

Cadangan Back to Lane mengetengahkan elemen lukisan mural yang dapat mempertingkatkan nilai kawasan bandar lama dan mewujudkan persekitaran yang menarik di sekitar pekan.



Foto: lukisan seni mural sedia ada di Pekan Bekok dan seni jalanan

Justifikasi Projek

- Mengelakkan struktur bangunan lama dengan menekankan keadaan fizikal
- Meningkatkan aspek keselamatan bangunan lama
- Menambah baik keadaan sekeliling bangunan seperti longkang dan kawasan kaki lima kedai

Lokasi Projek

- Lorong belakang Jalan Ismail dan jalan Leong Yong
- Jalan Pasar dan Jalan Tenang, Labis
- Jalan Gunung, Bekok

Agenzi Pelaksana Utama

Pelaksana

- Majlis Daerah Labis
- Majlis Perbandaran Segamat

Anggaran Kos Projek

8 Juta

10.20 HIP 19: Cadangan Segamat Riverfront

Sungai Segamat merupakan salah satu mercu tanda bandar ini, sejarah menunjukkan bandar ini wujud hasil daripada aktiviti persinggahan orang muara ke daerah hulu. Cadangan pembangunan Segamat riverfront adalah salah satu inisiatif bagi memastikan sejarah dan ekosistem sungai terpelihara.




Foto: Ilustrasi Cadangan Segamat Riverfront

Justifikasi Projek

- Menambah baik struktur tebing Sungai Segamat agar lebih kukuh dan tahan hakisan
- Memberi nafas baharu kepada Sungai Segamat dengan reka bentuk tepian sungai yang lebih menarik
- Menerangkan elemen nenceritaan

Lokasi Projek

- Lorong belakang Jalan Ismail dan jalan Leong Yong
- Jalan Pasar dan Jalan Tenang, Labis
- Jalan Gunung, Bekok

Agenzi Pelaksana Utama

Pelaksana

- Majlis Perbandaran Segamat
- Swasta

Anggaran Kos Projek

25 Juta

10.21 HIP 20: Cadangan Laluan Pejalan Kaki dan Basikal di Bandar Segamat dan Pekan Labis

Cadangan laluan pejalan kaki di Bandar Segamat akan memberi fokus bagi menghubungkan nodus utama bandar serta kawasan hijau bandar. Penyediaan kemudahan ini adalah bagi menerapkan konsep bandar sihat di mana konsep ini akan mengurangkan kebergantungan masyarakat kepada penggunaan kereta.



Foto: Ilustrasi persimpangan jalan dengan kemudahan lintasan pejalan kaki, elemen perabot jalan dan landskap yang menarik dan menyeronokkan bagi menggalakkan masyarakat berjalan kaki

10.22 HIP 21: Cadangan Pengindahan Pintu Masuk Bandar Segamat dan Pekan Labis

Cadangan pengindahan pintu masuk pusat bandar dapat menyerlahkan karakter reka bentuk sesuatu bandar. Ini secara tidak langsung akan mewujudkan sense of welcoming di Pusat Bandar Segamat serta melibatkan pembinaan elemen pintu gerbang dan penambahbaikan reka bentuk landskap.



Foto: Contoh elemen monumen pintu masuk Bandar Segamat

Justifikasi Projek

- Menjadikan Segamat sebagai bandar mesra pejalan kaki dan basikal
- Memastikan setiap nodus bandar dihubung dengan baik oleh jaringan pejalan kaki dan basikal
- Menyediakan kemudahan sokongan yang mencukupi dan selesa

Lokasi Projek

BPK S1.1 Pusat Bandar Segamat
(Fasa 1: 10km)

Agenzi Pelaksana Utama

Pelaksana

- Majlis Daerah Labis dan Majlis Perbandaran Segamat
- Swasta

Anggaran Kos Projek

7 Juta

Justifikasi Projek

- Mewujudkan Sense of Welcoming dan legibiliti bandar
- Menyerlahkan identiti Segamat

Lokasi Projek

BPK S1.1 Pusat Bandar Segamat
(Fasa 1: 10km)

Agenzi Pelaksana Utama

Pelaksana

- Majlis Daerah Labis
- Majlis Perbandaran Segamat

Anggaran Kos Projek

15 Juta

10.23 HIP 22: Cadangan Stesen Bas, RTC dan Pasar di Jementah

Cadangan ini adalah bagi menyokong keperluan harian penduduk Jementah dan memastikan pekan ini tersedia dengan kemudahan yang mencukupi.



Foto: Lokasi cadangan Stesen bas, RTC dan Pasar Jementah

Justifikasi Projek

- Menyediakan kemudahan sokongan penduduk Jementah

Lokasi Projek

BPK S4.1 Pekan Jementah

Agenzia Pelaksana Utama

Pelaksana

- Majlis Perbandaran Segamat
- Swasta

Anggaran Kos Projek

20 Juta

10.24 HIP 23: Landasan Kereta Api Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru

Projek Landasan Keretapi Berkembar Elektrik dari Gemas ke Johor Bahru merupakan satu projek di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bagi menyediakan kemudahan pengangkutan awam berdasarkan rel kepada orang awam di samping menghubungkan jaringan landasan berkembar elektrik sehingga ke Johor Bahru. Projek ini melibatkan cadangan naik taraf laluan kereta

Jadual 10.2: Cadangan Pengangkutan Transit Rel

CADANGAN PENGANGKUTAN TRANSIT REL	LOKASI YANG TERLIBAT	FASA 1 2 3	AGENSI PELAKSANA	ANGGARAN KOS (RM)
Naik taraf laluan rel berkembar elektrik (ETS) sepanjang laluan keretapi Segamat bagi tujuan domestik. (Batu Anam - Segamat-Tenang - Labis – Bekok)	Segamat	/	SPAD, JPJ, PAJ, PBT	4 billion

Sumber: Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Johor (2015-2045)

10.25 HIP 24: Memperkuatkannya Rangkaian Sistem Pengangkutan Kargo Segamat Inland Port (SIP)

SIP mengalami kemerosotan aktiviti beberapa tahun lepas disebabkan oleh faktor sokongan dari industri import dan eksport yang rendah dan juga lokasi SIP yang terkeluar dari laluan utama jalan raya. Di samping itu, kemerosotan aktiviti kargo berlaku berikutan penggunaan perkhidmatan rel ke Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) dan Pelabuhan Pasir Gudang (PPG). Antara usaha untuk menghidupkan semula SIP ialah memperkuatkannya sistem pengangkutan kargo melalui perkhidmatan rel dalam urusan penghantaran produk industri dan pembinaan jalan raya baharu bagi meningkatkan lagi tahap aksesibiliti untuk aktiviti industri di SIP.

Lokasi Projek

Jalan SIP - Jalan Muar-Labis

Agenzia Pelaksana Utama

Pelaksana

- Jabatan Kerja Raya

Anggaran Kos Projek

20 Juta

10.26 HIP 25: Memperkasakan Pembangunan Berorientasi Pengangkutan Awam (*Transit Oriented Development – TOD*)

TOD mempunyai ciri-ciri perbandaran yang berbeza bergantung kepada lokasi daerah di mana ia terletak. Bagi Daerah Segamat, terdapat dua zon pembangunan berorientasi transit iaitu TOD 2 di stesen KTM Segamat dan TOD 3 di stesen KTM Labis. Secara amnya, lokasi TOD 2 terletak di Pusat Daerah/Bandar Utama. Ianya juga mempunyai perkhidmatan multi-modal, inter-wilayah dan antara bandar yang berfrekuensi dan berkapasiti tinggi manakala lokasi TOD 3, adalah di kawasan utama perniagaan dalam pembangunan berskala besar serta mempunyai terminal pengangkutan transit berkapasiti dan berfrekuensi tinggi.

Jadual 10.3: Cadangan Lokasi TOD

JENIS TOD	LOKASI	MOD TRANSIT	FASA			AGENSI PELAKSANA	ANGGARAN KOS (RM)
			1	2	3		
TOD2	Stesen KTM Segamat	KTM/BRT	/	/		PLANMalaysia, PAJ, PBT	5 juta
TOD3	Stesen KTM Labis	KTM/BRT	/	/		PLANMalaysia, PAJ, PBT	3.5 juta

Sumber: Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Johor (2015-2045)

Lingkungan Zon TOD terbahagi kepada tiga kawasan:

i. Hab Terminal (*Station Hub*)

Kawasan dalam lingkungan 250 meter radius daripada terminal/stesen yang menjadi kawasan tumpuan aktiviti perniagaan dan pusat pekerjaan yang berintensiti tinggi.

ii. Persekutaran Terminal (*Station Neighbourhood*)

Lingkungan 400 meter daripada terminal/stesen menggambarkan tempoh berjalan kaki selama lima (5) minit ke terminal/stesen dan amat penting untuk kejayaan pembangunan berorientasikan transit. Kawasan ini menghasilkan 70% - 80% daripada keseluruhan pengguna pengangkutan transit yang berjalan ke terminal pengangkutan transit.

iii. Kawasan Pengaruh Terminal (*Area of Influence*)

Kawasan dalam lingkungan 800 meter daripada terminal/stesen mempengaruhi karakter terminal dan memberikan tambahan pengguna pengangkutan transit.

10.27 HIP 26: Perancangan Sistem Pengairan dan Saliran Yang Efisien

a. Cadangan Membina Benteng Sungai Segamat dari Lencongan Kg Jawa ke Felda Medoi

Cadangan ini adalah bagi menyokong keperluan harian penduduk Jementah dan memastikan pekan ini tersedia dengan kemudahan yang mencukupi.

b. Cadangan Menaik Taraf Sungai Kenawar

Cadangan menaik taraf Sungai Kenawar dengan memulihara dan memelihara rizab sungai.

c. Cadangan Projek Menaik Taraf Cabang Sungai Paya Merah Serta Kerja-kerja Lain yang Berkaitan di Mukim Labis, Segamat, Johor

Cadangan menaik taraf sungai dengan memulihara dan memelihara rizab sungai dan memperdalamkan sungai.

Justifikasi Projek

- Benteng terhakis berpunca dari banjir yang mengakibatkan aliran sungai yang deras dan mencetekkan sungai
- Memelihara dan memulihara keadaan sungai

Lokasi Projek

BPK S2.1: Medoi – Kemelah – Sekijang (Sungai Segamat dari Lencongan Kg Jawa ke FELDA Medoi)

Agenzia Pelaksana Utama

Pelaksana

- Jabatan Pengairan dan Saliran
- Swasta

Anggaran Kos Projek

- 17.1 Juta
- 4 Juta
- 4.7 Juta

10.28 HIP 27: Aplikasi Teknologi Hijau Dalam Penggunaan Kemudahan Infrastruktur dan Utiliti

a. Penerapan Sistem Penuaian Air Hujan (Rain Water Harvesting)

Cadangan Sistem Penuaian air hujan merupakan pendekatan alternatif dalam mengurangkan tekanan terhadap permintaan bekalan air bersih bagi kegunaan aktiviti luar seperti aktiviti pembersihan, menyiram tumbuhan dan sebagainya selain keadaan di Malaysia yang mempunyai iklim tropika dan kadar hujan yang tinggi.

b. Penggunaan Sistem MRF (Material Recovery Facilities) dalam Mengasingkan Sisa Pepejal yang Boleh Dikitar Semula

Penggunaan sistem MRF (Material Recovery Facilities) bagi mengurangkan kapasiti sisa pepejal bagi kawasan cadangan boleh diguna pakai dengan kebolehan sistem dengan mengasingkan sisa pepejal yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik, kaca, aluminium dan sebagainya.

Justifikasi Projek

- Air hujan yang ditadah boleh digunakan serta menjimatkan bayaran bil bulanan
- Mengurangkan risiko banjir kilat di kawasan tertentu kerana ianya memperlaharkan pengaliran air terus ke pusat tадahan atau sungai

Agenzia Pelaksana Utama

Pelaksana

- Jabatan Pengairan dan Saliran
- Syarikat Air Johor

Anggaran Kos Projek

- RM 10 Ribu – RM 100 Ribu bagi setiap bangunan (harga bergantung kepada saiz tangki simpanan dan sistem pam yang digunakan)
- RM 1.5 Juta – RM 5 Juta (kos bergantung kepada kapasiti sistem MRF)



10.29 HIP 28: Membangun dan Memajukan Pusat Pertumbuhan Desa (PPD)

Cadangan PPD bertujuan merancakkan lagi pembangunan desa serta mewujudkan pembangunan daerah yang lebih seimbang di samping menyediakan perkhidmatan yang lebih menyeluruh.



Foto: Lokasi cadangan Pusat Pertumbuhan Desa Kuala Paya

Agenzi Pelaksana Utama

Pelaksana

- Majlis Daerah Labis/Majlis Perbandaran Segamat

Anggaran Kos Projek

RM1.647 billion

Justifikasi Projek

- Petempatan yang dilengkapi dengan kemudahan masyarakat yang baik
- Memajukan kawasan desa yang berpotensi
- Terletak di luar koridor perbandaran, mempunyai kemudahan masyarakat, infrastruktur dan ekonomi desa yang boleh dinaik taraf dan dimajukan

Lokasi Projek

- Kg Kuala Paya
- Kg Melayu Raya
- Kg Bukit Kledang
- Kg Balai Badang, Kg Awat
- Kg Spang Loi
- Kg Gelang Chinchin
- Desa Temu Jodoh
- Kg Orang Asli Kudung

10.30 HIP 29: Meningkatkan Akses Penduduk Desa kepada Keusahawanan dan Peluang Pekerjaan Supaya Kawasan Desa Kekal Menarik untuk Didiami

Penghijrahan keluar penduduk desa ke bandar-bandar untuk mencari peluang pekerjaan khususnya di kalangan generasi muda. Cadangan ini akan membantu memperkuatkan daya ekonomi desa dengan program membantu pengusaha kecil dari segi pembungkusan, penjenamaan, kod bar dan sebagainya. Selain itu, cadangan ini juga bagi menggalakkan penyertaan masyarakat desa sebagai peserta projek-projek pertanian perserta dusun agrotourism dan usahawan-usahawan baru yang bekerjasama dengan anchor companies.

Justifikasi Projek

- Kemahiran dan pengetahuan penduduk desa terhad kepada amalan pertanian sara diri dan konvensional
- Kekangan pemasaran yang hanya di peringkat tempatan dan belum melangkaui ke peringkat lebih tinggi

Agenzi Pelaksana Utama

Pelaksana

- Majlis Daerah Labis/Majlis Perbandaran Segamat

Anggaran Kos Projek

RM550 Ribu

10.31 HIP 30: Cadangan Naik Taraf Hospital Segamat

Tujuan cadangan menaik taraf Hospital Segamat adalah untuk menampung keperluan penambahan jumlah doktor dan katil kesan daripada kekurangan semasa dan pertambahan penduduk masa akan datang. Selain itu, untuk menyediakan perkhidmatan yang mencukupi dan berkualiti kepada penduduk Daerah Segamat dan sekitar.

Agenzi Pelaksana Utama

Pelaksana

- Majlis Perbandaran Segamat

Anggaran Kos Projek

RM400 juta

10.32 HIP 31: Cadangan Pembangunan Ibu Pejabat Polis Daerah Segamat

Keperluan tapak bagi menggantikan ibu pejabat balai polis sedia ada yang terletak bersama Balai Polis Segamat adalah untuk menampung kakitangan kesan daripada pertambahan penduduk dan pertumbuhan pembangunan

10.33 HIP 32: Tambahan Fakulti Sains Pertanian dan Makanan di UiTM Segamat

Pembangunan institusi di Daerah Segamat adalah perlu bagi memacu dan melengkapkan peranan dan fungsi Daerah Segamat sebagai kuasa ekonomi pertanian pada masa hadapan. Institusi-institusi yang mempunyai aktiviti nilai tambah dan impak yang tinggi dalam sektor pertanian seperti pembangunan pusat penyelidikan dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC).

Agenzi Pelaksana Utama

Pelaksana

- UiTM Segamat

Justifikasi Projek

- Menyokong peranan Daerah Segamat sebagai kuasa ekonomi pertanian menjelang tahun 2030
- Memaksimumkan penggunaan sumber pertanian dan perhutanan yang terdapat di Daerah Segamat

Lokasi Projek

- BPK S4.2 : UiTM-Pulapol (UiTM Segamat)

10.34 HIP 33: Komplek Sukan Bersepadu, Segamat

Cadangan ini mengambil kira keperluan penyediaan stadium di peringkat PBT bagi penganjuran sukan terutama sukan bola sepak dan angkat berat di peringkat daerah. Kemudahan kompleks sukan akan menjadi salah satu tarikan bandar Segamat.

Rajah 10.1: Pelan Cadangan Kompleks Sukan Segamat



Sumber : Majlis Pejabat Segamat

10.35 HIP 34: Cadangan Eco Adventure Park

Cadangan pembangunan Eco Adventure Park merupakan salah satu cadangan zoo berkonsep safari yang merupakan nich product eko pelancongan bagi menarik orang tempatan dan juga luar.



Foto: Contoh konsep safari memberi peluang lebih dekat kepada pengunjung mengenali haiwan

Justifikasi Projek

- Menyokong keperluan penyediaan kemudahan sukan yang pelbagai dan bertaraf negeri
- Keperluan bagi menganjurkan sukan terutama sukan bola sepak dan angkat berat ke peringkat seterusnya

Lokasi Projek

- BPK S1.8 Stadium Jalan Serikaya 1

Agensi Pelaksana Utama

Pelaksana

- Jabatan Belia dan Sukan

Anggaran Kos Projek

RM25 Juta

Justifikasi Projek

- Menyokong keperluan penyediaan kemudahan sukan yang pelbagai dan bertaraf negeri
- Keperluan bagi menganjurkan sukan terutama sukan bola sepak dan angkat berat ke peringkat seterusnya

Lokasi Projek

- Pintu masuk Taman Negara Johor Endau-Rompin (Selai)

Agensi Pelaksana Utama

Pelaksana

- PERHILITAN
- Majlis Daerah Labis

Anggaran Kos Projek

RM20 Juta

10.36 HIP 35: Cadangan Penambahan Sistem Pemantauan Kualiti Air

Cadangan penambahan stesen pemantauan kualiti air sungai ini adalah untuk meningkatkan pemantauan air sungai yang merangkumi data asas di peringkat hulu (upstream) dan hilir (downstream).

Jadual 10.4: Lokasi Cadangan Stesen Pemantauan Kualiti Air

BIL.	LOKASI
Sungai Muar & Sg Merlimau	
S1	Jambatan Sg Muar - Kg Sepang Loi Baharu
S2	Jambatan Sg Muar, Jalan Buloh Kasap
S3	Jambatan Sg Merlimau, Jalan Batu Anam
3MR08	Jambatan Bt. 12.5 Jalan Segamat, Jementah
Sungai Segamat & Sg Kenawar	
S4	Jambatan Sg Segamat Jalan Kg. Tengah (J154)
S5	Jambatan Sg Segamat , Jalan Utama 5/1
3MR09	Jambatan Bandar Segamat
S6	Jambatan Sg Kenawar- Jalan Genuang
S7	Jambatan Sg Kenawar, Jalan Pogoh
S8	Jambatan Sg Kenawar, Jalan Pogoh

Sumber: Rancangan Tempatan Daerah 2030

Justifikasi Projek

- Keperluan data asas dari peringkat (upstream) dan hiliran (downstream)
- Pengenalpastian kawasan punca pencemaran yang lebih terperinci
- Usaha meningkatkan pemantauan & pencegahan pencemaran air

Agenzia Pelaksana Utama

Pelaksana

- JAS

Anggaran Kos Projek

RM320 Ribu

10.37 HIP 36: Cadangan Menjadikan Kawasan Tapak Pelupusan Sedia Ada Sebagai Pusat Pemindahan (Transfer Station)

Kawasan tapak pelupusan sedia ada adalah dicadangkan untuk dijadikan pusat pemindahan (transfer station). Ia berfungsi sebagai tempat pengumpulan sampah sementara sebelum sisa pepejal tersebut dibawa keluar ke tapak pelupusan lain yang dipersetujui oleh PBT dan agensi/pihak yang terlibat.

Agenzia Pelaksana Utama

Pelaksana

- JSPN, SW CORP, Swasta

Anggaran Kos Projek

RM500 Ribu

Justifikasi Projek

- Menyokong keperluan penyediaan kemudahan sukan yang pelbagai dan bertaraf negeri
- Keperluan bagi menganjurkan sukan terutama sukan bola sepak dan angkat berat ke peringkat seterusnya

Lokasi Projek

- TP Buloh Kasap

10.38 HIP 37: Cadangan Membangunkan Kaedah Penggunaan Sisa kepada Tenaga Boleh diperbaharui

Konsep sisa kepada tenaga (Waste to Energy) ini adalah salah satu inisiatif yang boleh dilaksanakan untuk mewujudkan satu alternatif sumber tenaga baharu. Selaras dengan hala tuju utama pembangunan Daerah Segamat yang menyokong agriculture powerhouse, konsep ini adalah antara cadangan pembangunan lanjutan yang boleh dilaksanakan menggunakan aset/sumber sedia ada.

- Antara kategori jenis janaan tenaga boleh diperbaharui yang boleh dibangunkan:
 - Tenaga Biomass
 - Tenaga Biogas
 - Landfill Gas

Agensi Pelaksana Utama

Pelaksana

- MPS Sw Corp, Swasta

Anggaran Kos Projek

RM 10 Juta

Justifikasi Projek

- Satu alternatif penjanaan tenaga boleh diwujudkan selaras dengan ketersediaan sumber/aset sedia ada di daerah ini
- Dapat mengurangkan pencemaran alam sekitar



Sumber: Bioenergyconsult.com

10.39 HIP 38: Mengelakkan Kawasan Rizab Hidupan Liar (RHL)

Pengekalan berterusan kawasan RHL ini perlulah dilaksanakan bagi memastikan kawasan ini terus dipelihara. Ianya juga berkait rapat dengan penekanan pengekalan habitat asal jika terdapat sebarang bentuk pembangunan (contoh aktiviti ekopelancongan) di kawasan RHL.

Justifikasi Projek

- Mengelakkan kawasan Rizab Hidupan Liar bagi memelihara kepelbagaiannya biologi flora dan fauna

10.40 HIP 339: Pengurusan dan Pembangunan Sumber Semula Jadi Secara Lestari

- Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Kualiti Alam Sekitar dan Kawalan Terhadap Aktiviti-aktiviti yang Berpotensi Menyumbang kepada Pencemaran
- Menambah Baik dalam Sistem Pengurusan Sisa yang Lebih Efektif dan Mesra Alam
- Pengurusan dan Pembangunan Sumber Semula jadi secara Lestari
- Mengelak, Memelihara dan Memulihara Rizab Hidupan Liar

Agensi Pelaksana Utama

Pelaksana

- Jabatan Alam Sekitar
- Majlis Perbandaran Segamat/ Majlis Daerah Labis

Anggaran Kos Projek

RM1 juta

10.41 HIP 40: Mempraktikkan Pendekatan Pengurusan Risiko Bencana yang Komprehensif



Mekanisme pengurusan bencana ini haruslah merangkumi empat (4) komponen utama iaitu:

- Pencegahan dan peredaan
- Kesiapsiagaan
- Tindak balas bencana
- Pemulihan bencana
- Setiap komponen ini pula terbahagi kepada tiga (3) fasa iaitu
- Fasa sebelum bencana
- Fasa semasa bencana
- Fasa selepas bencana berlaku

10.42 HIP 41: Memantapkan Pengurusan dan Usaha Mengurangkan Risiko Geo-Bencana

Pengurusan risiko banjir ini merangkumi dan meliputi fasa sebelum, semasa dan selepas kejadian banjir, satu sistem pengurusan perlu diwujudkan untuk menggantikan pendekatan pengurusan bencana tradisional yang sebelum ini hanya memberi tumpuan kepada tindak balas pemulihan dan pembinaan semula selepas peristiwa bencana.

Risiko Geo-Bencana utama adalah melibatkan kejadian banjir yang banyak bergantung kepada pelbagai faktor seperti topografi, geologi, pengaruh iklim serta perubahan guna tanah yang berkait rapat dengan aktiviti pembangunan.

Agenzi Pelaksana Utama

Pelaksana

- Majlis Perbandaran Segamat/Majlis Daerah Labis

10.43 HIP 42: Keperluan Kesiapsagaan Utuh dan Kesedaran Agenzi Kerajaan, Pihak Swasta dan Masyarakat dalam Menghadapi Bencana

- Perletakan dan penambahbaikan sistem amaran awal
- Meneruskan Usaha Meningkatkan Kesedaran dan Ketersediaan Menghadapi Bencana Di Kalangan Agenzi Kerajaan, Swasta dan Komuniti
- Membangunkan Sistem Bantuan Sokongan Keputusan Adaptive Emergency Evacuation Centre Management (AEECM)

Agenzi Pelaksana Utama

Pelaksana

- Jabatan Alam Sekitar
- Majlis Perbandaran Segamat/Majlis Daerah Labis

Pemantau

- Jabatan Alam Sekitar
- Majlis Perbandaran Segamat/Majlis Daerah Labis

Anggaran Kos Projek

Siren Amaran Banjir (RM 20 Ribu)
Stesen Tolok Auto bersama Paparan Digital (RM 50 Ribu)
AEECM (RM 50 Ribu)